

1984

IPOH, 24 DIS. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INIMARAH DENGAN SIKAP +MELAMPAUI BATAS+ KUMPULAN-KUMPULAN TERTENTU YANG SENGAJA MENIMBULKAN ISU PERKAUMAN DI NEGARA INI DAN MEMBERI AMARAN BAHAWA KERAJAAN TIDAK AKAN TERAGAK-AGAK MENGAMBIL TINDAKAN TEGAS TERHADAP MEREKA.

PERDANA MENTERI MENCINGATKAN GOLONGAN RERKENAAN SUPAYA JANGAN MENYANGKA SIKAP LEMAH LEMBUT DAN BERDIAM DIRI KERAJAAN SELAMA INI MEMBOLEHKAN MEREKA BERTINDAK SESUKA HATI TERMASUK MENGADAKAN DEMONSTRASI TERHADAP KERAJAAN ATAS ANGGAPAN KERAJAAN TAKUT HENDAK BERTINDAK.

+HARI INI KERAJAAN TIDAK MENUNJUKKAN KUKUNYA. KITA MASIH BERDIAM DIRI TETAPI JANGANLAH SESIAPA MENYANGKA TOLERANSI KERAJAAN ITU IALAH TOLERANSI YANG TIADA HADNYA. ADA HADNYA.

+JIKA SESIAPA YANG SUDAH MELAMPAUI BATASAN, KERAJAAN TIDAK AKAN TERAGAK-AGAK MENGAMBIL TINDAKAN TEGAS, +KATANYA DISAMBUH DENGAN SOKONGAN TEPUKAN GEMURUH OLEH LEBIH 500 ORANG YANG MENGHAIRI JAMUAN MAKAN TENGAH HARI UMNO BAHAGIAN KINTA DI MAJLIS PERBANDARAN DISINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA PENERUS IBARISANNASIONAL DAN PRESIDEN UMNO KEMUDIAN MEMBERI KATUWA KEPADA PUAH-PUAH TERTENTU SAMA ADA INGIN MENERUSKAN USAHA KE ARAH KEBURUKAN ATAU MENUKARKAN SIKAP MFRFKA.

SUNGGUHPUN DATUK SERI DR. MAHATHIR TIDAK MENYEBUTKAN TINDAKAN YANG AKAN DIAMBIL TETAPI BELIAU MENJELASKAN TINDAKAN ITU +CUKUP TEGAS+ DAN MEREKA AKAN MERASAI PEDIH DAN PERITNYA. +

+KITA TIDAK MAHU LIHAT PERISTIWA ME 13 BERLAKU SEMULA. JIKA ADA DEMONSTRASI YANG BERTUJUAN UNTUK MEMBAKAR PERASAAN PERKAUMAN, KITA AKAN MENGAMBIL TINDAKAN YANG CUKUP TEGAS DAN MEREKA AKAN MERASAI PEDIH DAN PERITNYA, +KATA BELIAU.

SEBAGAI MEMBUKTIKAN BELIAU AKAN MENGOTAKAN APA YANG DIUCAPKANNYA PERDANA MENTERI EMPAT KALI MENGULANGI TENTANG UNGKAPAN +TINDAKAN TEGAS+ DALAM UCAPAN 45 MINIT ITU SAMBIL MENERANGKAN BAHAWA KENYATAAN ITU DIBUAT SETELAH BELIAU MEMIKIRKAN SEDALAM-DALAMNYA.

KENYATAAN ITU JELAS MENUNJUKKAN KEMARAHANNYA TERHADAP TINDAK-TANDUK SEBUAH PARTI PEMBANGKANG YANG +MELABUR MODAL+ DENGAN MENGGUNAKAN ISU PEMBUANGAN SISA RADIOAKTIF DI PAPAN SEHINGGA RAKYAT MENGADAKAN TUNJUK PERASAAN DI SAMPING MENYERU DIPULAU KERETA BUATAN MALAYALIA, PROTON SAGA, DAN MENIMBULKAN TUNJUK PERASAAN OLEH SETINGGAN DI BERBAGAI JUAH DI NEGERI INI.

KUMPULAN ITU JUGA MELANCARKAN TABUNG KUTIPAN WANG UNTUK MENYELAMATKAN BUKIT CHINA SEBAGAI BANTAHAN KEPADA CADANGAN KERAJAAN MELAKA UNTUK MEMBANGUNKAN BUKIT ITU YANG TERLETAK DI TENGAH BANDAR MELAKA. -- LAGI

MAHATHIR - AMARAN 3 IPOH R R R R

BELIAU KESAL TERUTAMANYA KERANA KUMPULAN ITU SENGAJA MENJADIKAN MACAM-MACAM ISU SEBAGAI ISU PERKAUMAN TERMASUKLAH PERKARA YANG PADA MULANYA TIDAK MENUNJUKKAN CORAK PERKAUMAN PUN SEHINGGA AKHIRNYA SEMUANYA MEMPUNYAI MATLAMAT KE SATU ARAH IAITU MEMBANGKITKAN PERASAAN PERKAUMAN DI ANTARA PENDUDUK BERBILANG BANGSA DI NEGARA INI. +OLEH SEBAB KITA BERSIKAP LEMAH LEMBUT SIKIT DALAM DUA ATAU TIGA TAHUN INI, MEREKA MERASA MEREKA BOLEH BERTINDAK SESUKA HATI. PERISTIWA 13 MEI SUDAH PUN MEREKA LUPAKAN. MEREKA TIDAK TAKUT AKAN RUSUH KAUM YANG MUNGKIN BERLAKU JIKA TINDAKAN YANG KETERLALUAN DILAKSANAKAN OLEH MEREKA. +

+JANGAN FIKIR BAHAWA ORANG YANG NAMPAK LEMAH ITU ORANG YANG SELALU SENYUM, ORANG YANG MEMANG BAIK DAN DEGIL. HARUS KITA INGAT SEJARAHNYA JUGA, KERANA SEJARAHNYA JUGA TIDAK BERAPA BAIK, + PESAN DR. MAHATHIR KEPADA SESIAPA YANG MEMANDANG RINGAN TERHADAPNYA. DR. MAHATHIR SUATU MASA DULU PERNAH DIPECAT OLEH UMNO KERANA USAHANYA MEMBELA BANGSA MELAYU TETAPI DICAP SEBAGAI +ULTRA+.

PERDANA MENTERI MENARIK PERHATIAN BAHAWA ORANG MELAYU KINI KERANA DIPIMPIN OLEH UMNO MERUPAKAN ORANG +SEDERHANA+ (MODERATE) DAN TIDAK LAGI BERSIKAP BEGITU EKSTREM SEPERTI DULU.

TETAPI MALANGNYA, BELIAU KESAL KERANA ORANG LAIN PULA YANG SENGAJA MENIMBULKAN MASALAH DAN MENJADIKAN +ITUDAN INI+ SEBAGAI SATU ISU YANG MENUNJUKKAN KONONNYA TINDAKAN KERAJAAN MENINDAS KAUM M E R E K A .

+APA JUGA YANG DIBUAT OLEH KERAJAAN DITERJEMAHKAN MENJADI ISU PERKAUMAN DAN KINI APABILA MELIHAT KERAJAAN BERSIKAP LEMAH LEMBUT MEREKA BERPENDAPAT CARA MEREKA BOLEH DAPAT KEJAYAAN IALAH OENCAN CARA TUNJUK PERASAAN. +

DR. MAHATHIR MEMBERI AMARAN BAHAWA KERAJAAN TIDAK MAHU TUNTUTAN DIBUAT SECARA KEKERASAN KERANA KEKERASAN BOLEH DILAWAN DENGAN KEKERASAN.

+SAYA YAKIN JIKA NAK MAIN PERKAUMAN, UMNO BOLEH JADI LEBIH PERKAUMAN DARI MEREKA. JIKA NAK SESUATU MELALUI DEMONSTRASI, SAYA YAKIN UMNO BOLEH ADAKAN DEMONSTRASI LEBIH BESAR, + SEKALI LAGI DISAMBUT DENGAN TEPUKAN GEMURUH PARA HADIRIN YANG TERDIRI DARIPADA ANGGOTA UMNO DAN BARISAN NASIONAL.

TETAPI PERDANA MENTERI MENANYAKAN: +APAKAH AKIBATNYA JIKA UMNO BERBUAT DEMIKIAN DALAM NEGARA BERBILANG KAUM INI, +SAMBIL MENAMBAH +INI YANG HARUS KITA INGAT SEBANYAK DUAKALI. +

BELIAU JUGA MENJELASKAN BAHAWA KERAJAAN TELAH MEMBENDUNG PERASAAN PERKAUMAN ORANG MELAYU DAN UMNO SUPAYA JANGAN BERTINDAK KERANA MEREKA ADALAH SEBAHAGIAN DARIPADA KERAJAAN DAN TIDAK BOLEH BERTINDAK DI LUAR BATASAN.

+TETAPI JIKA ORANG LAIN CUBA BERTINDAK DI LUAR GARISAN, UMNO SAYA FIKIR TIDAK AKAN BERDIAM DI XRI. UMNO AKAN BERTINDAK. PILIHAN INI BUKAN PILIHAN KITA TETAPI PILIHAN ORANG RAMAI. +